



No. Sebut Harga : **NO LPT/BKP/2022/02**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Lembaga Pembangunan Tioman,
No 1, Jalan Besar Tg. Gemok 1,
Tanjung Gemok,
26820 Rompin,
Pahang Darul Makmur.

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat/organisasi atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Proton Waja 1.6 (A) No Pendaftaran : CBS 767 No. Chassis : PL1CF1SRR6F266542 No. Enjin : S4PHMY8097	1 Unit	3,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **04 Julai 2022 (Isnin)** dan / hingga **12 Julai 2022 (Selasa)** di antara jam **9.00 Pagi** hingga **4.00 Petang** di **Lembaga Pembangunan Tioman, No. 1, Jalan Besar Tg. Gemok 1, Teluk Gading, 26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA 28)** yang boleh diperolehi di pejabat **Lembaga Pembangunan Tioman, No.1, Jalan Besar Tg. Gemok 1, Tanjung Gemok, 26820 Rompin, Pahang Darul Makmur** dan secara atas talian melalui laman web **tioman.gov.my** .
4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh tutup sebut harga ini.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5% daripada harga tawaran bagi setiap aset**. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is- where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan **Sampul Surat Berlakri** dan **ditanda** No. Sebutharga **NO LPT/BKP/2022/02** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :-

**Lembaga Pembangunan Tioman,
No.1, Jalan Besar Tg. Gemok 1,
Tanjung Gemok, 26820 Rompin,
Pahang Darul Makmur**

6. Tarikh tutup sebut harga pada **19 Julai 2022 (Selasa)**, jam **12.00 tengahari**. Sebut harga yang diterima lewat **tidak akan dipertimbangkan**.



(DATO HAJI IDROS BIN YAHYA DIMP.,AMP.)
Pengurus Besar,
Lembaga Pembangunan Tioman

Tarikh: 30/06/2022

Cop:

